

**Peluang
pelajari
silat
olahraga
menerusi
TV3**

PEMINAT-PEMINAT silat berpeluang mempelajari silat olahraga menerusi TV3 apabila tiga syarikat bersetuju menaja 13 siri yang akan dikendalikan oleh bekas jurulatih England, Razak Othman.

Bagaimanapun, jurulatih silat itu akan memilih syarikat yang menawarkan biaya terbesar kerana penerbitan rancangan itu dalam lingkungan \$20,000 setiap siri.

Beliau memberitahu, TV3 pada dasarnya bersetuju menayangkan rancangan itu dan jika penaja rasmi diperolehi, siri berkenaan dijangka dita-

yangkan pada pertengahan tahun ini.

Menurutnya, usaha memperkenalkan silat olahraga melalui televisyen itu dilakukan berikutan sambutan baik orang ramai ketika Kuala Lumpur menjadi tuan rumah Kejuaraan Silat Sedunia Ke-4 Disember lalu.

21 JAN 1988
"Saya sedia menjalankan penggambaran setiap siri itu, selepas TV3 memberi persetujuan. Kini kami cuma menanti keputusan syarikat yang hendak menajanya.

"Rancangan itu nanti dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu silat

olahraga, bela diri wanita dan silat seni," katanya.

Beliau berkata, kaum wanita perlu sedikit sebanyak mengetahui silat membela diri apabila cuba 'dikasari' lelaki.

Razak juga sudah mendapat persetujuan mengendalikan rancangan itu daripada Pengerusi Biro Kebajikan Persekutuan Silat Malaysia (Pesaka), Haji Abdul Rahim Manan.

Antara pesilat negara yang dijangka terbabit ialah juara-juara silat dunia, Ahmad Fauzi Othman, Ahmad Wardi Salim, Wan Aminuddin Baki, Saibiah Salleh dan Siti Azahariah Husin.